

HUSAIN BELADAR

PERKHIDMATAN PENJARA



5



PERKHIDMATAN • PEMBANGUNAN • KEJAYA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
PERKHIDMATAN
PENJARA
MALAYSIA



30/3/2023

MEMOIR HUSAIN BELADAR PERKHIDMATAN PENJARA



YAB Tun

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

HUSAIN BELADAR

12/10/18.



MEMOIR

HUSAIN BELADAR, A.M.N., P.J.C. (Terunggay)
PERKHIDMATAN PENJARA



PUSTAKA PERDANA



1013284



Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan memetik mana-mana bahagian isi buku ini dalam bentuk apa jua pun, baik secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau yang lain-lain sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Husain Beladar (*Penulis*)



Diterbitkan dan Dicetak Oleh :

Dian Darulnaim Sdn Bhd
Lot 890A, Jalan Tengku Mohd Maasum,
Pasir Hor, 15130 Kota Bharu, Kelantan

Rekabentuk Grafik



Touch Jet Enterprise

No. 1, Tingkat Bawah, Flat Bayam A, Jalan Bayam,
(Bersebelahan KPJ) 15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel / Fax : 09-743 8869 • Email : touchjet@yahoo.com



PERDANA
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

923.5595



TERIMA KASIH

Terima Kasih, Kepada Isteri Tersayang, Norliah Haji Abd Ghani Diatas Sokongan Menjayakan dan Menghasilkan Buku Ini, Saya Banyak-banyak Berterima Kasih Juga Kepada Setiausaha Peribadi Syarikat, Puan Wong Sew Fong Yang Banyak Menolong Menaip Kesemua Artikel Dalam Buku Ini Berkali-kali Mengubah Dan Menambah Kekurangan Sebelum Dibukukan Sejak April 2016. Dan Berterima Kasih Kepada Pihak Rekabentuk Buku Ini, Touch Jet Enterpirse, Azimi Hashim (Jet) & Nurfatimah Mohd Nor, dan Juga Muhammad Syafwan Sahuddin Menolong Membukukan Dan Mengatur Gambar-gambar Mengikut Artikel Dengan Sabar Sehingga Cita-cita Saya Tercapai.



Kandungan

Pendahuluan	1
Mukadimah	2
Bermula Perkhidmatan	3-4
Jabatan Penjara Johor Bahru	5-6
Jabatan Penjara Seremban	7-12
Pusat Latihan	13-16
Bertemu Ibu, Kekasih & Perkahwinan	17-19
Perkhidmatan Isteri Norliah Hj Abd Ghani	20-26
Penjara Pudu	27-35
Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan	36-38
Mantan Ketua Pengarah Tan Sri Dato' Murad Ahmad	39-48
Sekolah Malam / Kursus Pegawai Pelatih / Bermula Kerjaya Sebagai Pegawai	49-68
Penjara Kuantan Pahang	69-80
Kem Pelarian Vietnam	81-90
BOTAK CHIN Penjara	91-93
Laporan Pengambilan tanah Penjara Marang / Penor	94-99
Pemangku Penguasa Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan	100-104
Jamuan Perpisahan Tan Sri Razali Shafei (GES) Menteri Dalam Negeri Malaysia	105-111
Pembinaan Bilik Asingan / Dewan Dato Ibrahim / Penjara (Blok) Remand dan Perasmian	112-122
Pembukaan Penjara Terbuka Marang, Terengganu	123-174
Catitan Dari Pelawat-Pelawat	175-177
Sambutan Hari Kemerdekaan	178-179
Perlawanan Bola Sepak Banduan Terengganu Vs Kelantan	180-182
Guinness Award Penjara Terbuka Marang	183
Penerima Pingat Negeri Terengganu Darul Iman	184-186
Lawatan Dari Ketua Pengarah Penjara Thailand	187
Persaraan Timbalan Ketua Pengarah Penjara Tuan Hj Sulaiman Sani	188-189
Lawatan YAB Menteri Besar Terengganu dan Exco	190-194
Keratan Surat Khabar Pembinaan Penjara Marang, Terengganu	195-205

PERSIAP (Perkumpulan Perempuan Penjara)	206-208
Mesyuarat Pengarah-Pengarah Penjara / Asia Pasific	209-211
Banjir Penjara Marang	212-214
Lawatan Ke Luar Negara	215-227
Pembukaan Rasmi Penjara Marang oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (Tun)	228-242
Kenangan Penjara Marang	243-246
Bertukar dan Penyerahan Tugas	247-258
Selamat Berpisah dan Selamat Maju Jaya	259
Kunjungan Perpisahan ke Pejabat Menteri Besar Terengganu / Pejabat Daerah Marang	260-263
Kenangan 6 Tahun di Penjara Marang dan kerendah Manusia	264-267
Penjara Negeri Terengganu	268-270
Penjara Penor Pahang	271-292
Pembinaan Ibu Pejabat Penjara	293-316
Penjara Jelebu Negeri Sembilan	317-318
BAPAK PEMBANGUNAN JABATAN PENJARA Tahun 1979-1988	319-327
Bertukar ke Penjara Simpang Renggam	328-333
Lawatan Perpisahan	334-339
Penyerahan Tugas Penjara Simpang Renggam / Paluan Berundur	340-345
Kemaafan dipinta	346-347
Rumusan Sejarah Perjawatan Penjara dan Pemakaian Tahun 1950-1988 Sijil Akuan Perkhidmatan Jabatan Penjara / Perkhidmatan Awam	348-357
Sekalung Penghargaan	358-366
Persatuan Bekas Pesara-Pesara Pegawai Penjara (EXPOAM)	367-369
Tugu Peringatan (BATU TANDA)	370-371
Akhbar Penjara Pudu di tutup menjadi Meziium	372-374
Apa Yang Saya Tahu	375-377
SELEPAS 29 TAHUN BERSARA	378-381
Perasmian Memorial Husain Beladar dan pelancaran buku Husain Beladar Perkhidmatan Penjara	382-383
Catitan KJP Dato' Sri Haji Zulkifli b Omar Ketua Pengarah Penjara Malaysia	384
Memorial Husain Beladar dan Lokasi	385-386



Pendahuluan

INTIPATI buku ini hanyalah meriwayatkan seorang yang tidak berpelajaran tinggi tetapi gigih serta sedar tentang kekurangan diri terus berusaha hingga mencipta sejarah yang tidak disangka-sangka kepada Jabatan Penjara.

Penulis tidak berniat untuk menunjuk megah atau mencari publisiti murahan dalam setiap paparan dalam buku ini. Namum lebih daripada itu adalah bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pelapis tentang betapa susah payahnya meraih satu-satu kejayaan. Kejayaan dalam kesempurnaan hidup, kesungguhan menerima tanggungjawab, melaksanakan tugas serta arahan semasa Pentadbiran British dan Pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu seterusnya Malaysia bermula 1959 hingga 1988.

Penulis berdoa dan berharap agar pegawai-pegawai rendah dan atasan dapat memimpin dengan lebih berdedikasi serta semangat juang yang tinggi untuk terus mengharumkan nama jabatan.

Pegangan saya

TIADA KESUNGGUHAN.....TIADA KEJAYAAN

TIADA KEJUJURAN DAN KEIKHLASAN..... HANCUR SEGALA PERANCANGAN.

TAMAK HALUBA..... MENGUNDANG KEMUSNAHAN

BELI BAJU UKUR BADAN

HUSAIN BELADAR

Mukadimah

Saya tidak menyangka saya boleh menulis dan mengingat segala perjalanan hidup semasa bertugas dengan Jabatan Penjara dari awal hingga akhirnya bersara.

Selama 29 tahun saya berkhidmat iaitu mulai 01 Oktober 1959 bermula sebagai seorang wadar dengan kelulusan Darjah VI Sekolah Melayu Ketereh, Kota Bharu, Kelantan dan Sekolah Special Malay sahaja.

Namun begitu, saya berazam dan bercita-cita tinggi untuk menjadi seorang Pegawai Penjara yang Kreatif dan Inovatif dan saya yakin dan percaya SAYA BOLEH !


Dengan izin Allah Taala, berserta dengan azam dan tekad yang tinggi di samping sokongan moral yang tinggi daripada isteri yang tersayang, Norliah bt Abd Ghani, saya mula belajar dalam kelas malam pada tahun 1967. Alhamdulillah, saya lulus Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia. Akhirnya cita-cita saya untuk menjadi seorang pegawai tercapai setelah saya berjaya dalam temu duga dan kursus Pegawai Pelatih.

Kerjaya saya sebagai pegawai bermula pada tahun 1968. Saya tidak tinggal diam, saya terus berusaha memberi perkhidmatan yang terbaik dalam Jabatan Penjara. Atas usaha gigih saya itu, saya terus dinaikkan pangkat dari satu peringkat ke satu peringkat sehinggalah saya berjaya menjawat jawatan Pengarah Pembangunan Penjara dan Pengarah Penjara (Maximun Security Prison) Simpang Renggam Johor dan bersara pada 01 Mei 1988.

Sebelum memasuki perkhidmatan Penjara, saya memulakan kerjaya sebagai seorang Special Constable (S.C) dengan Jabatan Polis pada 01 Februari 1955 iaitu pada masa darurat menjaga keselamatan di estet-estet dan juga membuat operasi menentang komunis bersama-sama Pasukan Polis Hutan di samping membuat kerja-kerja am Pasukan Polis Persekutuan Tanah Melayu (Sekarang dikenali sebagai Polis Diraja Malaysia).

Saya telah berkhidmat dalam pasukan Polis selama 3 tahun 8 bulan 10 hari iaitu bermula 01 Februari 1955 hingga 01 Oktober 1958, saya diberhentikan ketika setelah pasukan ini dikurangkan anggotanya dengan Pangkat Koperal.


Penjara Johor Bahru Tahun 1950an



Setelah berhenti, saya memohon bermacam-macam jawatan di jabatan kerajaan termasuklah wadar di Jabatan Penjara.

Permohonan saya mendapat perhatian daripada Ibu Pejabat Penjara pada ketika itu berpusat di Taiping, Perak. Saya ditawarkan berkhidmat sebagai wadar di Jabatan Penjara Persekutuan Tanah Melayu (Sekarang Malaysia), diarah melaporkan diri di Penjara Johor Bahru, dikehendaki membuat Peperiksaan Kesihatan Doktor dan lulus.

Saya sungguh gembira dan bersyukur kepada Allah swt atas rezeki yang diberikan setelah menganggur selama setahun iaitu dari 01 Oktober 1958 hingga 30 September 1959.



*Hussain Beladar ketika berumur 21 Tahun.
Mulai bertugas sebagai pegawai penjara
(Wadar) 1 Oktober 1959.
Pakai Seragam Wader pada ketika itu.*

Saya melaporkan diri di Penjara Johor Bahru, Jalan Gertak Merah/Air Molek pada pagi 1 Oktober 1959. Disinilah bermulanya era baharu saya. Pada hari yang sama, saya terus dibawa masuk dalam penjara dengan pakaian preman dan bersongkok, melihat bengkel-bengkel, blok-blok keliling tembok besar serta menara, di samping memberi keterangan cara-cara kerja oleh Sgt. Major bernama Encik Dahwan dan dibawa ke Pejabat Pentadbiran untuk membuat rekod peribadi. Saya diberikan No. Patil 1557 dan dibawa bersumpah di hadapan Majistret Johor Bahru.

Pada 2 Oktober 1959 ialah hari kedua saya bertugas. Waktu bertugas bermula pada jam 6.20 pagi, keluar pada jam 11.20 pagi. Masuk semula pada jam 1.20 petang dan keluar jam 4.20 petang, waktu begini dipanggil main shif. Kesemuanya ada tiga shif iaitu shif awal 6.20 pagi hingga 1.20 petang, shif kedua 1.20 petang hingga 8.20 malam dan shif ketiga 8.20 malam hingga 6.20 pagi. Shif malam ditukar setiap dua jam sekali, peraturan ini selaras di semua penjara di seluruh Tanah Melayu yang dikenali sebagai Jabatan Penjara Persekutuan Tanah Melayu. Tugas saya pada hari ini ialah berkawal di tepi tembok besar kerana banduan-banduan dilarang mendekati tembok, saya tidak tahu kenapa, cuma memerhatikan sahaja pergerakan banduan-banduan di dalam bengkel. Dalam masa bertugas selama dua jam ini saya tidak dibenarkan duduk atau pun bercakap walaupun sesama wadar. Setelah banduan masuk ke dalam bengkel pada jam 7.30 pagi, saya nampak seorang banduan telah keluar dari bengkel tukang kasut pergi ke kolah air sambil memerhatikan saya. Saya berasa hairan lalu mendekatinya serta bertanya apa yang dibuatnya disitu? dia senyum dan tahu saya ni orang baru bekerja lalu mengambil air dalam kolah merenjis ke atas muka saya dan dia masuk balik ke dalam bengkel. Saya terpinga-pinga, dengan adanya sedikit sebanyak pengalaman dalam S.C, saya terus masuk ke dalam bengkel dan bercerita kepada ketua bengkel kasut tentang peristiwa tadi, masa itu Sgt Hashim bertugas sebagai Pegawai Bengkel, dia telah panggil banduan ini dan dipukulnya lalu dikurung dalam bilik asing sementara menunggu bicara di depan penguasa. Banduan ini meminta maaf dan menyembah-yembah kepada Sgt. Hashim tetapi tidak dipedulikan. Dalam hati saya begini ke rupanya kerja sebagai wadar penjara ? Selepas faham dalam bidang kerja, saya tidak

abai kan peluang ini. Saya dialih bertugas dari satu tempat ke satu tempat yang lain pada setiap hari samada naik post pengawal atas tembok, masuk bengkel sehinggalah saya faham apa itu tugas Pengawal Penjara (wadar).




Tuan Hj Harun B. Hj Kassir
Penguasa Penjara Johor Bahru.
1959

Pemangku Penguasa Penjara disini ialah Tuan Haji Harun dan Chief Officer ialah Mr. James, berbangsa Inggeris dan Tuan Haji Abdul Malik berbangsa Pakistan. Kerja di penjara jauh berbeza dari Jabatan polis atau S.C yang pernah saya bertugas dahulu. Saya terpaksa berdiri berjam-jam terutama di atas pos kawalan memerhati pergerakan banduan. Untuk menghabiskan masa 4 jam diatas menara selain dari memerhati gerak geri banduan, ada macam-macam terlintas di dalam otak serta angan-angan yang tak patut diceritakan di sini, sekarang pun kalau diingatkan apa yang ada dalam otak saya masa itu, saya tersenyum dan ketawa seorang diri.

Dalam masa bertugas, wadar-wadar dikehendaki sentiasa berwaspada terhadap banduan-banduan dalam berbagai aspek seperti kelakuan, pergerakan, pertuturan dan sebagainya. Kita mesti bertegas supaya tidak dipermainkan oleh segelintir banduan yang kurang ajar dan berperangai samseng.

MENARA PENJARA JOHOR BAHRU TAHUN 50AN




Menara inilah saya merasi bertugas
pada Oktober 1959



Mengawal disini selama 4 atau 6 jam seorang diri macam macam dalam fikiran. Kadang kadang kena loteri/jadi kaya sehingga tak sedar ketua Pegawai berada dibawah memperhatikan gelagat pengawal sehingga dibaling batu baru sedar..... Terkejut lapor Baik Tuan..... Pegawai tanya apa baik?? dan dimarahnya atau diadu (charge).

PENJARA KHAS SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN TAHUN 1960



Penguasa Penjara Khas Seremban,
Tuan Inder Singh Gill

Jabatan Penjara tidak menghantar pegawai atau anggota yang baru bertugas ke sekolah latihan (depoh) seperti polis dan tentera kerana anggota yang diambil pada masa itu adalah mengikut kekosongan jabatan. Setelah berkhidmat selama 1 atau 2 tahun, baru dihantar untuk menyertai Latihan Pegawai Penjara di Taiping, Perak. Saya berada disini cuma 3 bulan dan ditukar ke Penjara Seremban, Negeri Sembilan pada 1.1.1960 atas permintaan sebab kekurangan anggota dan tiada sesiapa yang ingin bertukar ke sana. Penjara Seremban Negeri Sembilan merupakan sebuah Penjara Khas untuk banduan-banduan yang dibuang daerah atau buang negeri. Penjara ini diketuai oleh seorang yang berbangsa Sikh bernama Tuan Inder Singh Gill dan timbalannya ialah Tuan

Banta Singh. Tuan Inder Singh Gill seorang berdisiplin tinggi, tegas dan ditakuti oleh semua banduan serta wadar-wadar. Semasa bertugas, dilarang bercakap dan dilarang membawa sebarang kertas mahupun pen atau pensel ke dalam penjara, pemeriksaan dibuat setiap kali masuk bertugas ke dalam penjara oleh Pegawai Kanan.

Saya melapor diri dengan Chief Officer (C.O) Tuan Banta Singh dan dibawa berjumpa dengan Tuan Penguasa Penjara iaitu Tuan Inder Singh Gill, saya memberi tabek hormat semasa berdepan dengannya, disergahnya saya APA SALAH AWAK TUKAR KE SINI! Saya pun beritahu dan keletong sedikit kepadanya, Tuan, hanya saya yang angkat tangan mahu tukar ke Seremban, mereka kata tuan banyak strik (tegas), tiada wadar mahu tukar ke sini, mereka takut kepada tuan melainkan saya, dia (Tuan Inder Singh) ketawa kuat mengurut-urut janggutnya apabila mendengar saya cakap begitu dan sambil tersenyum memberitahu saya supaya bekerja dengan baik-baik, jika ada apa-apa kesusahan boleh jumpa Tuan Banta Singh, dia memberi saya dua hari cuti kelepasan. (off day).



Tuan Banta Singh, Timbalan Penguasa Penjara Seremban 1960

Saya sangat seronok dengan dua hari cuti ini sebab boleh pergi ke Kuala Lumpur jumpa dengan sahabat pena saya iaitu Cik Norliah Binti Haji Abd Ghani yang telah bertukar ke Hospital Besar Kuala Lumpur setelah tamat kursus bidan (midwife) di Johor Bharu. Setelah habis cuti 2 hari, saya kembali bertugas di Penjara Seremban dimana rutin tugasnya sama seperti di Penjara Johor Bharu.

Tuan Inder Singh memang baik orangnya, masa kerja mesti bekerja dengan penuh semangat, amanah dan berdisiplin, dia tak suka orang yang tidak bertanggungjawab, kebajikan kakitangan amat diambil berat. Dia pernah memberi peluang kepada saya untuk memohon Pegawai Kadet dengan Sijil Darjah Enam Sekolah Melayu dan memberi pinjaman wang saku semasa hendak pergi bertanding sukan mewakili Penjara Seremban di Taiping. Saya adalah pelari jarak jauh pada suatu ketika mewakili Penjara Seremban.




Husain Beladar


Saya tidak terpilih dalam permohonan sebagai Pegawai Kadet dari Peringkat Darjah Enam Sekolah Melayu mungkin saya baru dalam perkhidmatan, yang berjaya cuma seorang sahaja iaitu En. Abu Hassan Bin Abd Rahman, ini membuktikan Darjah Enam Sekolah Melayu juga boleh menjadi Pegawai Penjara sehingga beliau bersara dengan pangkat Timbalan Penguasa di Penjara Pudu Kuala Lumpur.

Tuan Inder Singh telah dinaikan pangkat sebagai Penguasa Kanan Penjara (Senior Suprintenden) dan ditukar ke Negeri Sarawak sebagai Kem Komandan Tempat Tahanan di Kuching, Sarawak. Tempatnya diganti oleh Tuan Haji Haron Bin Haji Kassim dari Johor Bharu memangku jawatan sebagai Penguasa (Bos Lama). Tuan Bata Singh (C.O) pula ditukar ke Penjara Pudu, Kuala Lumpur, tempatnya diambil alih oleh Tuan Haji Malik sebagai (C.O), Ketua Pegawai ini juga dari Penjara Johor Bharu. Dalam tempoh pemangkuan oleh Tuan Haji Haron, pentadbiran Penjara Seremban berada dibawah penguasa Penjara Pudu iaitu Tuan S.G. Shorters, segala urusan dikehendaki mendapat kelulusan dari Tuan Shorters dahulu sebelum dilaksanakan seperti : perbicaraan tatatertib pegawai, kesalahan banduan-banduan dll semuanya dibicara didepannya.

Suatu hari saya membuat pengawalan di waktu malam (Kerja Malam), saya tidak menjolok jam pada jam 4 pagi dan telah diadu serta dibawa bicara depan Tuan Shorters yang datang dari Penjara Pudu Kuala Lumpur. Seperti dalam mahkamah juga, saya diambil statement mengapa kamu tidak jolok jam pada



Husain Beladar bersama
Tengku Nazram



Husain Beladar bersama
Tengku Nazram



Pena Penguasa, Pegawai Besar,
Tengku Nazram, En Shamsuddin Yusof

Pada bulan Mei 1960, saya telah dihantar ke pusat latihan Pegawai-Pegawai Penjara Taiping untuk menjalani latihan asas sebagai seorang warden selama tiga bula. Di sini diajar segala-gala berkaitan dengan tugas tugas warden (Pegawai Penjara) terutama keselamatan penjara, undang-undang dan enekman serta tata tertib (disiplin), kawad dan penggunaan senjata api pertahanan diri (judo) dan sebagainya.


Dalam masa 3 bulan ini dengan penuh semangat mempelajari segala yang diajar diterima dengan baik dan patuh.

Komandan Pusat Latihan masa itu Tuan Haji Salahuddin Bin Mohd Tahir, berpangkat Chief Officer II (sekarang Penolong Penguasa Kanan) saya menamatkan kursus ini dengan baik.


Pada hari tamat kursus diadakan perbarisan tamat latihan dan pelatih pelatih dihadiri pegawai pegawai dan anggota serta keluarga. Pesuruhjaya penjara masa itu Dato, Murad Bin Ahmad menerima TABIK HORMAT dan dihadiri juga Timbalan Pesuruhjaya Mr. Webb. Pada malamnya diadakan jamuan perpisahan dihadiri oleh tetamu kehormat menteri dalam negeri Y.B Dato' Dr. Ismail bin Abdul Rahman (Tun) dan KSU Dato' Abd Aziz.



Dato' Murad Ahmad, Pesuruhjaya Penjara memberi ucapan dan amanah



Dato' Murad Ahmad bersama Menteri Dalam Negeri Dato' Dr. Ismail B Abd Rahman (Tun) dan KSU Dato' Abd Aziz



Perbarisan tamat Latihan 1960

GAMBAR-GAMBAR PELATIH TAHUN 1960




Nik Mohamad
Najmi

Husain Beladar



Zainal Ghani

Husain Beladar



Husain Beladar bersama
Nik Anuar Nik Mustafa Fadhil




Gambar kenangan
selepas kursus

1. Husain Beladar WDR 1557,
2. Harban Singh WDR 1440,
3. Shaari WDR1549

Semasa di Penjara Seremban Tahun 1960, saya mendapat tahu yang emak saya Meriam Bt Ismail Awang Abdul Rahman berada di Kuala Trengganu, suaminya bernama Omar Bin Mohamad, berkerja sebagai pengangkut / pemunggah barang-barang, buah-buahan jualan dari perahu ke Pasar Tanjung dan Pasar Payang, Kuala Trengganu, dia tinggal berhampiran dengan kuala tepi laut. Setelah maklumat ini sah, saya bercuti dan ke Kuala Trengganu mencarinya. Takdir S.W.T dengan mudahnya dipertemukan saya dan emak serta ayah tiri saya. Saya sangat sedih dan terharu melihat kehidupannya yang begitu berbeza dengan dahulu, sungguh pun daif dan susah, saya anggap ini adalah ketentuan Allah S.W.T dan berjumpa ini pun bersyukur. Saya



2 November 1960




Bapa Tiri,
Umar Bin Muhammad

tinggal bersama-sama dengannya beberapa hari dan bercerita apa yang telah


berlaku, saya dan emak masing-masing meluakannya, tidak ketinggalan saya membawa emak ke kedai gambar mengambil gambar kenangan. Ayah tiri orangnya cukup baik dan bertanggungjawab, mengikut ceritanya emak saya telah pengsan kena lintasan di tepi laut dibawa ombak ke arus dan ke tebing, dia mengangkat dan menjaganya selama lebih kurang satu tahun barulah dia sedar dan beransur sembuh. Saya terharu dan menangis sambil berpelukan, di sini saya berazam dan berjanji dengan diri saya tidak akan abaikan kedua-dua insan ini. Insyallah.

Setiap kali cuti kelepasan (2 minggu sekali), saya akan pergi ke Kuala Lumpur untuk berjumpa dengan sahabat pena saya yang mana telah masing-masing menaruh hati untuk bersatu. Dalam masa ini saya telah berkongsi duit untuk membeli sebuah Scooter ISO NA 4831 supaya senang berulang alik, semasa berada di Kuala Lumpur, saya tidur di berek bujang Penjara Pudu. Saya dan Norliah telah sepakat untuk mendirikan rumahtangga dan masing-masing menyampaikan hasrat kepada keluarga. Keluarga Norliah di Johor telah bersetuju tetapi keluarga saya tidak dapat datang kerana masalah perjalanan yang jauh dan kewangan, segala urusan telah diserahkan kepada saya. Tanpa majlis peminangan, kita terus berkahwin di Kampung Serkat, bersanding dengan mas kahwin RM22.50 dan wang hantaran sebanyak RM500.00. Semasa hendak balik berkahwin masing-masing naik keretapi, Norliah dari Kuala Lumpur dan saya dari Seremban. Apabila sampai di Johor Bharu, saya tinggal di berek bujang di Penjara Johor.





Sijil Nikah



Kg Serkat 3 kilometer dari Bandar Kukup Daerah Pontian adalah penghujung Negeri Johor bersebelahan dengan Tanjung Pia

Norliah balik ke kampung di Serkat. Pada hari pernikahan, saya diiringi oleh seorang pegawai penjara P.B. En. Shamsuddin Yusoff ke Kampung Serkat, Kukup, Pontian dan diijab Kabul pada 1.6.1961. Sahlah saya dan Norliah sebagai suami isteri.

Setelah beberapa hari di kampung, saya berdua berangkat balik ke tempat kerja masing-masing. Saya membuat permohonan untuk bertukar ke Kuala Lumpur dengan alasan saya telah berkhawin dan isteri seorang jururawat bertugas di Hospital Kuala Lumpur. Dengan takdir tuhan atas alasan yang manasabah, permohonan saya telah diluluskan dan bertukar ke Penjara Pudu Kuala Lumpur pada 1.6.1961.



Isteri saya NORLIAH BINTI HAJI ABD GHANI sebagai BIDAN TERLATIH (Staff Mid-Wife), ia memasuki perkhidmatan ini pada 02 Februari 1956 di Hospital Sultanah Aminah Johor Bharu sebagai Pelatih Bidan (Pupil Mid-Wife). Setelah tamat kursus selama 2 tahun dan telah lulus, ia telah ditukar ke Hospital Kuala Lumpur pada 1 Februari 1959. Mendiri rumah tangga pada 1 Jun 1961. Pada 15 Mac 1966 bertukar ke Hospital Kota Bharu, Kelantan di tempatkan

di Klinik Pengkalan Chepa berhampiran dengan penjara. Pada 16 Mei 1979 bertukar ke Hospital Kuantan Pahang mengikut saya bertugas sebagai P.Y.M Penjara Kuantan Pahang. Pada 1 Januari 1981 bertukar balik ke Hospital Kota Bharu kerana mengikut suami tukar ke Penjara Pengkalan Chepa sebagai Timbalan Penguasa Penjara.

Selama berkhidmat di Hospital Kota Bharu, Norliah telah mendapat pengiktirafan Khidmat Cemerlang dan Pingat Peragai Baik (P.P.B) dari DYMM Al-Sultan Kelantan dan bersara wajib pada 11 Jun 1992.



SIJIL-SIJIL YANG DIPEROLEHI SEMASA BERKHIDMAT





KEMENTERIAN KESIHATAN
Malaysia

SIJIL JURURAWAT DESA

Bahawasanya

MOHD. DZ. HUS. AZI, AED, OBNZ

telah menamatkan Kursus dengan memuaskan
dan telah lulus peperiksaan Jururawat Desa
diadakan pada 26. JUN 1978

410
Tahun 2066, JUN 1978
Bekas Laman



Sijil Kepujian

Dengan sukacitanya
HOSPITAL BESAR KOTA BHARU
menganugerahkan sijil
kepujian ini kepada
MOHD. LAZ. HUS. AZI, AED OBNZ

kerana telah menunjukkan
perkhidmatan yang cemerlang
pada tahun 1971

(DR. HJ. ABANG BAZAL BIN HJ. KOTIB) (DR. HJ. HUSNAD TABA BIN ABIT)
Pengarah, Hospital Besar Kota Bharu Pengarah Perkhidmatan
Klinik & Kesihatan Kesihatan Dasar

Tahun 23 FEB 92

Tahun 23 FEB 92



SEKOLAH LATIHAN LUAR BANDAR, JITRA KEDAH
TAHUN 1968



Dr. Siti Hasnah
Binti Mohamad Ali (Tan),
Pengerusi

*Lengkap dengan
Lelawat Hai Paga
& Lelawat Bahau.
Husain*



Kursus Jururawat Desa, Jun 1978



Jasamu Dikenang, Februari 1992



Di Hospital Besar Kota Bharu



Bapa, Haji Abd Ghani B Haji Junid (Keturunan Bugis)



Keluarga Norlia



Gambar kenangan Norlia pada 20 Disember 1959



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله والصلوة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.
دفعد كيت الوثوق بالله، استعمله فيزا ابن الرحيم سلطان محمد فيزا
راج دانف كفال باكي سنكل درجه كيمس لان يثامة مليا لوكي
وحرما تي، سلطان دان يغدا فرنون باكي نكري كلتن دار النعيم.

[Handwritten signature]

توليا لاه كندران بنينغ كجر بانكران هنيغته

كتهوي اوله سكره،

بهوا اوله سيب مغنغن طاعة ستيا دان كيمان فكريان يفتله
دتيهوقن كند كيت، كرجان كيت دان نكري كيت اوله

تجي نور ليه بنت حاج عبدالغني

مك دشن كسوكان كيت مننداكن باكين دشن سوات فيشة فراشي بايك (P.P.B.)
مدمهادهن جاديله سوات ايشان بشيركون مباوا كند ماسنغ كسدافن دشن برتصيه
لاكي طاعة ستيان باكي فكريان فيج مبريك كيجيكن دان برهانه كند نكري
كيت، اداش.

تريكتوب دانسان بالي بسره
كوت بهاره، كلتهه.

فدر 29 محرم، 1413
برسمان رقمه 80 جولي، 1992.

دشن تينه فرتم
خطا حارس
سنا و سنا سوليت
كباره دولت يمسو مليا
السلطان كلتن



Pingat P.P.B



Bersama suami Husin Beladar

ARTIKEL

HUSAIN BELADAR

PERKHIDMATAN PENJARA

Saya tidak menyangka yang saya boleh menulis dan mengingati segala perjalanan hidup serta peristiwa yang berlaku seawal perkhidmatan dalam Jabatan Penjara hingga hari akhir persaraan saya.

Gambar-gambar yang saya masukkan dalam buku ini adalah jawapan kepada kegigihan melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada saya.

Saya merasa amat berbangga serta bersyukur atas kepimpinan, tunjuk ajar dan nasihat-nasihat daripada ketua-ketua saya yang terdahulu, kursusnya Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Murad Bin Ahmad (Ketua Pengarah Penjara Malaysia 1950-1977) dan Yang Berbahagia Dato' Ibrahim Bin Haji Mohamad (Ketua Pengarah Penjara Malaysia 1977-1988). Kedua-duanya telah pun pergi menghadap Illahi. Al-Fatihah !

Ketegasan mereka dalam membentuk jiwa saya ke arah kecemerlangan dalam perkhidmatan penjara ini amat saya hargai dan sanjung tinggi. Hanya Allah jua yang membalasnya.

Jasamu tetap dikenang hingga ke akhir hayat ku.

HUSAIN BIN BELADAR A.M.N., P.J.C (Terengganu)

ISBN 978-983-2137-15-3



RM25.00